# DIRECT DEBIT AUTHORIZATION FORM

*(BORANG KEBENARAN DIRECT DEBIT)*

MBB

**IMPORTANT NOTE: ALL FIELDS WITH (*) ARE MANDATORY. PLEASE USE CAPITAL LETTERS, BLACK INK AND ☒ ON THE RELEVANT BOXES.**
***PERINGATAN: SETIAP BAHAGIAN DENGAN TANDA (*) MESTI DIISI. SILA GUNAKAN HURUF BESAR, DAKWAT HITAM DAN ☒ PADA KOTAK YANG BERKENAAN.***

## FOR ACCOUNT HOLDER'S COMPLETION / *UNTUK DIISI OLEH PEMEGANG AKAUN*

Type of Application / *Jenis Permohonan* *****
☐ New Application / *Permohonan Baru* ☐ Maintenance / *Kemaskini* ☐ Termination / *Pembatalan*

Account Holder's Name (Primary) / *Nama Pemegang Akaun (Utama)* *****

ID Number / *Nombor ID (without/tanpa '-' or '/')* *****
☐ New IC Number/ No. *Kad Pengenalan Baru* ☐ Passport No. / *No. Paspot*
☐ Old IC Number / No. *Kad Pengenalan lama* ☐ Business Reg. No. / *No. Pendaftaran Perniagaan*

Saving or Current Account No / Akaun Simpanan atau Semasa *(without/tanpa '-' or '/')* *****

Telephone Number / *Nombor Telefon*

Bank Abbreviation / *Kod Bank* *****
*(*Refer to Guideline for abbreviation list/*Rujuk kepada Panduan bagi senarai singkatan)*

E-Mail / *E-Mel*

Purpose of Payment / *Tujuan Pembayaran* *****

**Maximum amount to debit per transaction / *Jumlah pemotongan maksimum bagi setiap transaksi* (RM) *** ☐☐☐☐☐☐☐ - ☐☐

(Subject to maximum limit specified by the DD Operator/ *Tertakluk kepada had maksima yang ditetapkan oleh DD Operator)*

Maximum frequency / *Kekerapan maksimum* * ☐☐☐ Times/ Kali

Mode of frequency / *Mod Kekerapan* *****
☐ Daily / *Harian* ☐ Weekly / *Mingguan* ☐ Monthly / *Bulanan* ☐ Yearly / *Tahunan*

Effective Date/ *Tarikh Pengaktifan* ***** (**DDMMYY**)

Expiry Date / *Tarikh Tamat* (**DDMMYY**)

## Declaration / Akuan:

a. I/We hereby authorize the Bank to debit my/our account for the above payment instruction(s) including the relevant transaction fees/charges not payable by the Corporation. / *Saya/Kami dengan ini membenarkan pihak bank untuk melakukan pemotongan ke atas akaun bank saya/kami bagi tujuan arahan pembayaran di atas termasuk fi/caj transaksi yang berkaitan yang tidak ditanggung oleh Syarikat.*
b. I/We hereby agree for the Bank to debit fees/charges from my/our account as a consequence of insufficient funds. / *Saya/Kami adalah dengan ini bersetuju ke atas fi/caj yang akan dikenakan oleh pihak bank yang disebabkan oleh kekurangan baki di dalam akaun bank saya/kami.*
c. This authorization will remain in force until terminated by the Bank's written notice sent to my/our address last known to the Bank or upon receipt of my/our written revocation. / *Kebenaran ini akan tetap berkuatkuasa sehingga dibatalkan oleh pihak bank melalui notis secara bertulis yang dihantar ke alamat saya/kami yang terakhir yang diketahui oleh pihak Bank atau selepas notis pembatalan secara bertulis diterima dari pihak saya/kami.*
d. I/We hereby acknowledge that the information in this form will be disclosed or released to the Corporation, Corporation's bank and the Direct Debit Operator for the purpose of the Direct Debit collection / *Saya/Kami adalah dengan ini bersetuju bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang ini akan dikemukakan atau didedahkan kepada pihak Syarikat, bank Syarikat dan Direct Debit Operator bagi tujuan pemotongan akaun bank melalui Direct Debit ini.*
e. I/We hereby declare that all information provided is to the best of my/our knowledge true and correct. / *Saya/Kami adalah dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam borang ini adalah benar dan betul.*
f. I/We hereby agree to be bound by the Terms and Conditions specified in this form. / *Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk mematuhi dengan Terma-terma dan Syarat yang terkandung di dalam borang ini.*
g. I/We hereby confirm that we have checked the accuracy and correctness of the details furnished in this application and are aware of the content and the scope of the services provided. / *Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami telah menyemak kebenaran dan ketepatan maklumat yang dinyatakan di dalam borang ini disamping sedar terhadap kandungannya serta skop perkhidmatan yang disediakan*

Signature / Company Stamp/ *Tandatangan / Cop Syarikat* ***** ______________________________

Account Holder's Signatures as per Bank's record/ *Tandatangan Pemegang Akaun Seperti Rekod Bank*
(***For Joint Account*** - *Signature as per Bank's signing condition/*
***Untuk Akaun Bersama*** – *Tandatangan yang mengikut syarat di dalam rekod Bank*)

Date / *Tarikh* ***** (**DDMMYY**)

## FOR CORPORATION'S COMPLETION / *UNTUK DIISI OLEH SYARIKAT*

Seller ID / *ID Syarikat* ***** S E ☐☐☐☐☐☐☐☐☐

Date / *Tarikh* ***** (**DDMMYY**)

Payment Reference No. / No. Rujukan Bayaran
*(e.g. Policy No. / Membership No., etc. )*
(**Must be unique/ *Mestilah unik***) *

**NOTE : THIS SECTION/PORTION IS CUSTOMIZEABLE BY CORPORATION /**
***NOTA : BAHAGIAN INI BOLEH DIUBAHSUAI OLEH PIHAK SYARIKAT***

Company Stamp / Logo (Optional)

Prepared By (Name) ______________________

Signature ______________________

**Terms and Conditions (Notice to Account Holder) / *Terma-terma & Syarat (Notis kepada Pemegang Akaun):***

1. In this terms and conditions / *Definasi yang terkandung di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini:*

   a. The expression "Account Holder" refers to the individual, sole proprietorship, partnership, company or entity named in the Direct Debit Authorization Form overleaf who applies for the Direct Debit Service. / Ekspresi *"Pemegang Akaun" merujuk kepada individu, milikan tunggal, perkongsian, syarikat atau entiti yang memohon perkhidmatan Direct Debit yang dinamakan di dalam borang Kebenaran Direct Debit ini.*
   b. The expression "Bank" refers to the Account Holder's bank. / Ekspresi *"Bank" merujuk kepada Bank Pemegang Akaun.*
   c. The expression "Direct Debit Service" or "DDS" refers to direct debit payments service whereby an Account Holder's account is debited once the payment instruction from the Corporation is received. / Ekspresi *"Direct Debit Service" or "DDS" merujuk kepada perkhidmatan Direct Debit di mana akaun Pemegang Akaun didebitkan apabila arahan pembayaran diterima daripada Syarikat.*
   d. The expression of "Direct Debit Operator" refers to FPX Gateway Sdn Bhd as the operator or service provider of DDS. / Ekspresi *"Direct Debit Operator" merujuk kepada FPX Gateway Sdn. Bhd. sebagai pengendali atau pembekal perkhidmatan DDS.*
   e. The expression "Corporation" refers to a private corporation, public corporation or government body that subscribes to the DDS. / Ekspresi "Corporation" ataupun *"Syarikat" merujuk kepada perbadanan swasta, perbadanan awam atau badan kerajaan yang melanggani perkhidmatan DDS.*

2. An Account Holder must understand, complete and sign on this form before submitting the form to the Corporation. / *Pemegang Akaun mestilah memahami, melengkapi dan menandatangani borang ini sebelum menyerahkannya kepada pihak Syarikat.*

3. An authorized Direct Debit transaction does not include any fraudulent intent by the Account Holder or any person acting on behalf of the Account Holder. / *Transaksi Direct Debit yang dibenarkan adalah tidak termasuk sebarang niat penipuan oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak yang mewakili Pemegang Akaun.*

4. My/Our first Direct Debit payment to the Corporation shall commence only upon receipt of the first payment/deduction instruction from the Corporation subject to the payment/ deduction instruction being accepted and approved by the Bank and the Corporation. / *Pembayaran pertama Direct Debit saya/kami kepada Syarikat hanya akan berkuatkuasa setelah penerimaan arahan pembayaran/pemotongan pertama daripada Syarikat dengan syarat, arahan pembayaran/pemotongan tersebut telah diterima dan diluluskan oleh pihak Bank dan Syarikat.*

5. I/We shall settle any outstanding payment under the payment/deduction instruction stated in this form until such Direct Debit first payment/deduction instruction is effected. / *Saya/ Kami akan menyelesaikan sebarang pembayaran tertunggak yang dinyatakan di dalam arahan pembayaran/pemotongan di dalam borang ini sehinggalah arahan pembayaran/ pemotongan Direct Debit yang pertama dilaksanakan.*

6. Should the registered holder of the bill be someone other than myself/ourselves, the Bank shall not be required to enquire whether the registered bill holder's name in the Corporation's record is the same as that stated by me/us on this form. Note: Registered holder of the bill is the name of the person / company which is stated in the bill. / *Sekiranya pemegang bil adalah seseorang yang lain selain saya/kami sendiri, pihak Bank tidak perlu untuk menanyakan samada nama pemegang bil yang berdaftar dalam rekod pihak Syarikat adalah pihak yang sama seperti yang dinyatakan oleh saya/kami di dalam borang ini. Nota: Nama pemegang bil adalah nama orang atau syarikat yang tercatit di dalam bil.*

7. I/We undertake to ensure that sufficient funds are kept in my/our account to meet the payment/deduction instruction. The Bank is under no obligation to effect the DDS if there are insufficient funds in my/our account to meet the above authorization. If my/our account is overdrawn, I/we shall on demand by the Bank make good any amount overdrawn plus any interest payable thereon. / *Saya/Kami berakujanji untuk memastikan bahawa jumlah tabungan yang mencukupi berada di dalam akaun saya/kami untuk memenuhi sebarang arahan pembayaran/pemotongan. Pihak Bank tidak mempunyai sebarang obligasi untuk melaksanakan DDS ini sekiranya jumlah tabungan di dalam akaun saya/kami tidak mencukupi untuk memenuhi arahan pemotongan di atas. Jika akaun saya/kami didapati 'overdrawn', saya/kami akan, di atas permintaan pihak Bank, membayar jumlah 'overdrawn' tersebut termasuk faedah yang dikenakan terhadapnya.*

8. Where there is sufficient available funds in my/our account, but the same is insufficient to pay on all the debit instructions, the Bank may in its absolute discretion elect not to make any payments on all debit instructions, and/or to determine the order of priority of payment of any debit instruction as the Bank deems fit, in which event I/we shall be responsible to pay the Corporation directly. The Bank is under no obligation to notify me/us of any debit instructions rejected due to any reasons whatsoever. I/We request and authorize the Bank to re-attempt to debit the amount due from my/our account on any other date(s) subject to further instruction(s) from the Corporation. / *Jika terdapat jumlah tabungan yang mencukupi di dalam akaun saya/kami tetapi jumlah tersebut tidak mencukupi untuk membayar semua arahan debit saya/kami, pihak Bank berhak memilih untuk tidak membuat sebarang pembayaran terhadap kesemua arahan debit tersebut, dan/atau berhak untuk menentukan susunan keutamaan pembayaran untuk sebarang arahan debit, dimana saya/kami akan bertanggungjawab untuk membayar secara terus kepada Syarikat jika mereka tidak menerima sebarang pembayaran. Pihak Bank juga tidak mempunyai sebarang obligasi untuk memberi notis kepada saya/kami mengenai sebarang arahan debit yang ditolak atas apa jua sebab. Saya/kami juga meminta dan membenarkan pihak Bank untuk melakukan percubaan semula bagi mendebit jumlah pembayaran yang tertunggak daripada akaun saya/kami pada tarikh lain tertakluk kepada arahan selanjutnya daripada Syarikat.*

9. The Bank shall not be held responsible or liable to me/us for any claims, loss, damages, cost and expenses (including consequential, incidental general, special and indirect loss or damage or claims made on me/us or by any third party) arising from any person giving the instructions herein purportedly in my/our name, the successful or unsuccessful debit instruction due to any reason whatsoever and wrongful debit of account due to inaccurate information provided by me/us or the Corporation and other factors beyond the control of the Bank. Under such circumstances, I/we shall seek recourse or resolve the payment directly with the Corporation. / *Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap saya/kami bagi sebarang tuntutan gantirugi, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tuntutan gantirugi berbangkit, diluar jangkaan, khas dan kerugian secara tidak langsung atau kerosakan atau sebarang tuntutan yang dibuat ke atas saya/kami atau mana-mana pihak ketiga) yang timbul daripada sesiapa jua yang memberikan arahan kononnya atas nama saya/kami, arahan debit yang berjaya atau tidak yang disebabkan oleh sebarang alasan atau kesilapan pendebitan akaun atau disebabkan oleh maklumat yang tidak lengkap oleh saya/kami atau Syarikat dan lain-lain faktor yang berada diluar kawalan pihak Bank. Di dalam situasi ini saya/kami akan menuntut penyelesaian atau menyelesaikan bayaran tersebut secara terus dengan pihak Syarikat.*

10. The Bank may at its absolute discretion terminate this application and authorization for future payments at any time by notice in writing to me/us or without notice at any time after being advised by the abovementioned Corporation that no further payment is required, or without assigning any reason therefore. / P*ihak Bank berhak mengikut budi-bicara mutlaknya untuk menamatkan permohonan dan arahan ini pada bila-bila masa bagi pembayaran masa hadapan samada secara notis bertulis kepada saya/kami atau pada bila-bila masa tanpa notis setelah mendapat nasihat daripada Syarikat yang tersebut di atas bahawa tiada lagi sebarang pembayaran diperlukan, atau pada bila-bila masa tanpa menyatakan sebarang sebab.*

11. This application and authorization for payment will remain effective for the protection of the Bank in respect of payments made in good faith notwithstanding my/our death or bankruptcy or dissolution or winding up or the revocation of this request and authorization for payment by any other means until further notice of my/our death or bankruptcy or such revocation is received by the Bank. The notice of termination by me/us or from the Bank shall not affect those bill(s) or charges incurred by me/us prior to the date of termination. / *Pemohonan dan arahan pembayaran saya/kami ini akan tetap diterimapakai bagi melindungi pihak Bank berhubung sebarang pembayaran yang dilakukan dengan niat baik tanpa mengambilkira kematian atau kebankrapan atau pembubaran atau penutupan atau penarikan balik pemohonan dan arahan pembayaran ini bagi pembayaran melalui cara lain sehingga notis tentang kematian atau kebankrapan atau penarikan balik diterima oleh pihak Bank. Notis penamatan oleh saya/kami atau pihak Bank tidak akan memberi sebarang kesan terhadap mana-mana bil atau caj yang dikenakan ke atas saya/kami sebelum tarikh penamatan.*

12. The Bank reserves the right at its absolute discretion to levy a service charge for each successful DDS transaction by debiting my/our account. I/We further understand that the Bank is entitled from time to time to vary such charges or impose other charges as deemed appropriate for providing the DDS on giving me/us twenty one (21) calendar days prior notice by displaying the new service charge at the Bank's premises and Bank's website. / *Pihak Bank berhak mengikut budi-bicara mutlaknya untuk mengenakan caj perkhidmatan bagi setiap transaksi DDS yang berjaya dengan mendebitkan akaun saya/kami. Saya/kami juga faham bahawa pihak Bank juga berhak dari masa ke semasa untuk mengubah caj tersebut atau mengenakan caj-caj lain yang dianggap wajar dalam memberi perkhidmatan DDS dengan memberi notis awal kepada saya/kami selama dua puluh satu (21) hari kalendar mempamerkan caj-caj perkhidmatan baru tersebut di premis Bank dan di laman web Bank.*

13. I/We must notify the Bank and the Corporation by giving 21 days notice of the termination of the DDS by me/us or changes in my/our account number and/or the Billing Account Number. In any event, such notice will only take effect on the date of receipt by the Bank. Any notice sent by the Bank to my/our last registered address with the Bank is deemed to have been received by me/us. / *Saya/kami mestilah memaklumkan pihak Bank dan Syarikat dengan memberi 21 hari notis bagi penamatan perkhidmatan DDS oleh saya/kami atau bagi penukaran nombor akaun dan/atau Nombor Akaun Bil seperti yang terkandung di dalam borang ini. Notis tersebut hanya akan berkuatkuasa pada tarikh ia diterima oleh pihak Bank. Sebarang notis yang dihantar oleh Bank kepada alamat berdaftar terakhir saya/kami yang terdapat di dalam simpanan pihak Bank akan dianggap telah diterima oleh saya/ kami.*

14. Direct Debit instruction amount which exceed the limit or frequency specified in my/our authorization shall be rejected by the Bank, in which event I/we shall be responsible to settle the outstanding amount directly with the Corporation. In this respect, I/we authorize the Bank to release details of my/our account as stated in this form to the Corporation, the Corporation's bank and the Direct Debit Operator to obtain details of any payment(s) due by me/us from the Corporation. I/We further consent to such disclosure and declare that the Bank shall be under no liability for disclosing such information. / Jumlah *arahan Direct Debit yang melebihi had atau kekerapan yang dinyatakan di dalam arahan saya/kami hendaklah ditolak oleh pihak Bank. Jika ini berlaku saya/kami akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan jumlah yang tertunggak secara terus dengan pihak Syarikat. Dalam hal ini juga, saya/kami memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menyerahkan butir-butir akaun saya/kami yang tertera di dalam borang ini kepada Syarikat, bank kepada Syarikat dan Direct Debit Operator untuk mendapatkan butir-butir mengenai sebarang pembayaran yang tertunggak oleh saya/kami daripada pihak Syarikat. Saya/Kami juga bersetuju ke atas pendedahan maklumat tersebut dan dengan ini mengisytiharkan bahawa pihak Bank tidak bertanggungjawab kerana mendedahkan maklumat tersebut.*

15. The Bank reserves the right at any time / *Pihak Bank berhak pada bila-bila masa*:

    15.1 With prior notice to discontinue, interrupt, withdraw or suspend this DDS in whole or in part as the Bank deems fit and without assigning any reason whatsoever, and the Bank shall not be held liable for any loss or damage which may be suffered by me/us or any other third party registered under the DDS as a result of such action by the Bank. / *Dengan notis, untuk memberhentikan atau menganggu atau menarik balik atau menggantung perkhidmatan DDS ini samada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya sekiranya dianggap wajar mengikut pendapat pihak Bank tanpa memberi sebarang alasan, dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang akan ditanggung oleh saya/kami atau mana-mana pihak ketiga yang berdaftar di dalam DDS ini disebabkan oleh tindakan yang diambil oleh pihak Bank.*

    15.2 To vary, add, delete or amend any of the above conditions with notice. Such amendments shall become effective on such date as the Bank may elect to adopt, and the continued use of the DDS by me/us shall constitute acceptance of the said amendments. / *Untuk mengubah, menambah, memotong atau membetulkan sebarang terma dan syarat yang dinyatakan dengan notis. Pembetulan tersebut hanya akan berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditentukan oleh pihak Bank dan penggunaan berterusan perkhidmatan DDS oleh saya/kami akan dianggap bahawa saya/kami telah bersetuju untuk menerima pembetulan tersebut.*

16. Notwithstanding the above conditions of the DDS, I/we shall be bound by the Bank's conditions governing the operations of my/our account stated above which shall be construed in accordance with the laws of Malaysia. / *Meskipun dengan adanya syarat-syarat DDS di atas, saya/kami adalah terikat kepada segala syarat-syarat pihak Bank berkaitan operasi akaun saya/kami yang tertera di atas yang harus ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.*

17. In consideration of the Bank agreeing to provide the DDS, I/we hereby undertake to indemnify and hold the Bank harmless and indemnified against all actions, proceedings, claims, damage, cost, expenses, demands and losses which the Bank may incur or sustain by reason of the Bank carrying out the above request and authorization by me/us, or by any person purportedly in my/our name, whatsoever arising from the DDS and/or arising from errors or omissions on my/our part and/or the Corporation. / *Dalam mengambilkira persetujuan pihak Bank untuk menyediakan perkhidmatan DDS ini, saya/kami dengan ini berakujanji untuk melepaskan pihak Bank daripada sebarang tindakan, prosiding, tuntutan, kerosakan, kos, perbelanjaan, permintaan serta kerugian yang mungkin terpaksa ditanggung oleh pihak Bank disebabkan oleh tindakan pihak Bank melaksanakan arahan di atas dan kebenaran oleh saya/kami, atau sesiapa jua yang kononnya menggunakan nama saya/kami, yang timbul daripada DDS ini dan/atau kesilapan atau pengakuan oleh saya/kami dan/ atau Syarikat.*

18. The Bank may request additional information prior to approving the application and I/we shall furnish the requested information to the effect. / *Pihak Bank boleh meminta sebarang maklumat tambahan sebelum meluluskan permohonan ini dan saya/kami bersetuju untuk memberi maklumat tersebut bagi melaksanakannya.*

19. The Bank or its authorized third party is hereby given the consent to keep or store this authorization form upon approval or successful verification. / *Pihak Bank atau pihak ketiga yang diberi kebenaran oleh pihak Bank adalah dengan ini diberi kebenaran untuk menyimpan borang arahan atau kebenaran ini setelah kelulusan atau pengesahan diperolehi.*